

29/06/2003

Kakitangan awam mesti faham kepentingan tugas

KUALA LUMPUR: Kakitangan sektor awam bertanggungjawab menjayakan Pakej Strategi Baru, yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mei lalu bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata kakitangan kerajaan pada semua peringkat perlu faham dan sedar kepentingan

tugas yang dilaksanakan, serta kesannya terhadap pertumbuhan negara.

Beliau berkata, pakej bertujuan merangsang ekonomi yang mengandungi 90 langkah dan empat strategi utama itu seharusnya mendapat perhatian serius

kakitangan kerajaan.

"Strategi kedua iaitu, memperkukuhkan daya saing negara dan strategi keempat bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat adalah dua aspek utama yang memerlukan pembabitkan secara langsung kakitangan awam di semua peringkat.

"Berikutan itu, komitmen mereka penting bagi memastikan dasar dalam pakej dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan daya saing dan memastikan pendapatan negara bertambah hasil pelaksanaan pakej rangsangan itu.

"Hanya menerusi pembabitkan kakitangan awam sepenuhnya, putaran untuk melengkapkan pakej rangsangan ekonomi itu dapat dicapai," katanya selepas

sidang pleno Persidangan Perkhidmatan Awam Kelapan di Institut Takbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara, semalam.

Antara intipati yang digariskan dalam strategi kedua menjurus kepada usaha meningkatkan daya saing dengan memanjang tempoh taraf perintis dan elaun cukai pelaburan, potongan dua kali untuk perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, pengecualian cukai pendapatan kepada ibu pejabat operasi

sedia ada, aktiviti nilai ditambah di dalam zon perindustrian bebas atau gudang pengilangan berlesen dan meningkatkan pembangunan sumber manusia.

Menerusi strategi keempat pula, tumpuan diberikan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat seperti mempercepatkan urusan memproses dan memberi kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Kelayakan Menduduki, memudahkan proses permohonan permit dan lesen perniagaan, serta mengurangkan beban kewangan peminjam di sektor pelancongan.